

SH 30/12/2019 m/s 37

# Ikan laga dijual RM7,000 seekor

## Muncul juara sempena Terengganu Betta Monsoon Cup Vol 3

NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU

Seekor ikan laga yang menjadi juara (Grand Champion) dengan mengalahkan 2,305 ikan lain dalam pertandingan kecantikan ikan laga hiasan, Terengganu Betta Monsoon Cup Vol 3 akan dijual pada harga RM7,000.

Selain menjadi juara keseluruhan, ikan *betta fish* atau nama saintifiknya *betta splendens* hasil pertarungan Grup Betta Koboi dari Perlis yang berusia empat bulan itu turut memenangi tiga lagi kategori lain iaitu Best of Multicolour, Division Champion dan Halfmoon Plakad (B28-AOC/Special).



Grup Betta Koboi dari Perlis menjuarai keseluruhan pertandingan ikan laga Terengganu Betta Monsoon Cup Vol 3 di Muzium Negeri Terengganu semalam.

Selain mengalahkan ikan yang dipertandingkan dari Malaysia, ikan kacuk daripada spesies avatar betta dan koi galaxy betta itu turut mengalahkan ikan laga daripada negara jiran iaitu Thailand,

Singapura dan Indonesia. Pemiliknya, Shahrul Hafifi Sobri, 30, dari Arau, Perlis berkata, dia tidak menyangka ikan diternaknya itu menjadi juara dalam pertandingan terbesar itu.



Ikan kacuk daripada spesies avatar betta dan koi galaxy betta yang mengalahkan 2,305 ikan laga lain ini akan dijual pada harga RM7,000.

Menurutnya, kemenangan itu berbaloi dengan usaha keras sejak berkecimpung dalam ternakan ikan laga pertengahan tahun ini.

“Saya sebenarnya tak sangka ikan ini menjadi juara dan menjadi pilihan juri mengalahkan 2,305 ikan lain yang bertanding sebab saya tak pernah letak sasaran pun untuk bergelar juara keseluruhan dalam pertandingan ini.

“Lagipun saya baru sahaja berjinak-jinak dalam ternakan ikan laga sejak Jun lalu,” katanya ketika ditemui di lokasi pertandingan di Muzium Negeri Terengganu di sini semalam.

Shahrul Hafifi yang merupakan seorang pelukis pelan di sebuah syarikat swasta berkata,

setakat ini dia telah menyertai sebanyak sembilan pertandingan ikan laga sejak Julai lalu dan pertandingan kali ini disifatkan sebagai yang terbesar pernah disertai.

“Pertandingan di Terengganu kali ini menjadi rekod baharu dan terbesar yang saya pernah pegang kerana melibatkan sejumlah ikan yang begitu banyak dipertandingkan hingga memecahkan rekod dunia,” katanya yang membawa pulang wang tunai RM1,888 dan empat trofi kemenangan.

Sementara itu penganjur program, Mohd Fajih Alaihis Mustafa, 29, berkata, pertandingan itu diadakan untuk menguji dan menilai kecantikan setiap seekor ikan yang bertanding.

Katanya, Terengganu Betta Monsoon Cup Vol 3 yang diadakan dengan kerjasama Muzium Negeri, Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu dan Jabatan Negeri Terengganu mencipta rekod baharu dengan menyaksikan jumlah penyertaan sehingga 2,306 ikan dengan sebanyak 131 kategori untuk dinilai oleh 12 orang juri.